

Pengambilan pelajar baru INPENS

AM 7/12/06

Oleh ROSNIZA MOHAMAD RASO
(Ketua Jabatan Perhubungan Awam)

Mydin Mohd Sheriff, INPENS akan memulakan pengambilan pelajar baru pada 18 Disember 2006 bagi pelajar program Usahasama UiTM-INPENS dan 8 Januari 2007 bagi pengambilan pelajar kursus MLVK dan program diploma INPENS. Yang berminat boleh mendapatkan borang kemasukan ke Kolej INPENS di semua pejabat pos seluruh Selangor.

Sementara itu, katanya, tujuh kursus baru MLVK yang akan ditawarkan oleh INPENS mulai sesi 2007 ialah Juruteknik Motosikal, Pendandan Rambut dan Solekan, Pelukis Pelan Kejuruteraan Awam, Pengurusan Hotel, Juruteknik Penyejukbekuan dan Penyaman Udara, Pastris Chef dan Kitchen Chef.

Bagi pakej kursus MLVK pula, pelajar akan dibekalkan dengan maklumat penting dalam tiga elemen kemahiran yang ditawarkan seperti kaedah

berkomunikasi, teknologi maklumat dan keusahawanan, mampu melahirkan graduan yang berkeyakinan tinggi dan berkualiti apabila menghadapi alam pekerjaan.

Langkah ini, kata Mohd Mydin, bertujuan membantu pelajar memahir dan menyesuaikan diri apabila mengikuti pengajian di menara gading yang memerlukan elemen berkenaan diaplikasikan dalam apa juga kursus yang mereka ikuti sama ada di peringkat sijil, diploma atau ijazah.

Sejajar dengan imej dan status antarabangsa yang menjadi salah satu kelebihan kepada INPENS, beliau memberitahu, kolej kini sedang giat mengorak langkah untuk menarik pelajar luar negara tanpa mengabaikan kepentingan pelajar tempatan.

Keistimewaan penubuhan INPENS katanya, melambangkan hasrat murni kerajaan

negeri Selangor dalam usahanya membangunkan industri pendidikan dan latihan di Selangor dengan menawarkan kursus pengajian terbaik kepada pelajar serta mampu bersaing ke arah meningkatkan sumber tenaga mahir yang berkualiti dan produktif.

Kolej menyasarkan 1,000 tempat akan ditawarkan kepada pelajar baru tahun ini untuk mengikuti pengajian pada peringkat diploma, sijil dan pradiploma dalam bidang Teknologi Maklumat, Pengajian Perniagaan, Perakaunan, Kejuruteraan, Pengurusan Pentadbiran Pejabat dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-MLVK).

Manakala, tujuh diploma yang dikeluarkan oleh INPENS katanya, sudah mendapat perakuan daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN), iaitu diploma Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Mekatronik, Kejuruteraan Mekanikal, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, Teknologi Maklumat dan Pengurusan Pentadbiran. Perakuan ini memberi laluan kepada graduan INPENS menyambung pengajian peringkat ijazah di mana-mana IPTA tempatan dan universiti di United Kingdom atau ke Universiti Industri Selangor (Unisel).

INPENS juga adalah sebuah kolej bersekutu dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam menawarkan Program Usahasama UiTM-INPENS menerusi kursus Diploma Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan, Pradiploma Perdagangan dan Perakaunan serta prasains.

Antara keistimewaan lain mengapa INPENS menjadi pilihan terbaik pelajar ialah kolej ini menyediakan kemudahan



DATUK MOHD MYDIN MOHD SHERIFF

pelajaran dan pembelajaran seperti makmal komputer dan kejuruteraan yang lengkap dan terkini di kampus Bandar Armada Putra, Pulau Indah.

Pelajar, katanya, disediakan dengan kemudahan tempat tinggal apartmen tiga bilik, dua bilik air yang selesa, dilengkapi dengan kemudahan pusat sukan dan rekreasi, perpustakaan dan makmal komputer berinternet. Kemudahan lain yang disediakan ialah kafeteria, khidmat laundry, klinik dan kedai runcit yang terletak dalam kawasan kampus.

Bagi meringankan bebanan pelajar pula, INPENS menyediakan skim bayaran yuran secara ansuran. Manakala yang kurang berkemampuan untuk menampung yuran pengajian mereka, kolej juga menguruskan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar yang layak. Pinjaman pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar adalah di

Institusi yang menyediakan pinjaman adalah Yayasan Selangor, SUK Selangor, Mara dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Mohd Mydin memberitahu, pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor terbuka kepada pelajar peringkat diploma, keutamaan diberikan kepada anak Selangor. Pelajar atau salah seorang daripada ibu bapanya lahir di Selangor dikira sebagai anak Selangor. Manakala pinjaman SUK Selangor juga terbuka kepada anak Selangor bagi program sijil dan diploma.

Pinjaman Mara, katanya, terbuka untuk Program Usahasama UiTM - INPENS bagi kursus di peringkat diploma. Pinjaman PTPTN ditawarkan kepada pelajar peringkat diploma dan terbuka kepada warganegara Malaysia. Pusat Zakat Selangor juga menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar anak Selangor yang layak di samping Yayasan Pelajaran Negeri, Baitulmal, Perkeso dan bank tempatan yang boleh dimohon oleh pelajar menerusi kolej yang diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Selain menyediakan program akademik terbaik, beliau berkata, INPENS juga menggalakkan pelajarinya bergiat cergas dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukan di samping mempunyai kemahiran tinggi supaya dapat bersaing dalam pasaran kerja yang sengit pada masa ini.

Mereka yang berminat boleh menghubungi INPENS, telefon 013-3310204/0193556306 atau 03-31015757 sambungan 205, 206, 203, atau 104 atau faks 03-31015858 serta boleh melayari laman web www.inpens.gov.my.